

## **PERSEKITARAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN 4 DAN PENGARUHNYA TERHADAP SIKAP PELAJAR DI SEKOLAH**

**NORHAYATI BINTI MOHD SAAD**

## **KAJIAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2005**

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

17 APRIL 2005



NORHAYATI BINTI MOHD SAAD  
2002-00648

## PENGHARGAAN

**Buat arwah suami tercinta, Anura Zaidi**

Semangat dan kasihmu tetap ku genggam hingga ke akhir hayat  
Semoga rohmu sentiasa dicucuri Rahmat Ilahi

**Buat anak-anakku yang amat disayangi, Nurul Syasiqa & Mohd Norsyasiq Aizat**

Kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit

Kamu berdualah kekuatan bagi diri ibu

Pengorbananmu berdua pada setiap hujung minggu ditinggalkan tetap  
ibu kenang hingga ke akhir hayat, dan kasih ibu sepanjang zaman

**Istimewa ayah tersayang, Mohd Saad & ibu yang tabah, Embon**

Pengorbanan dan doa restu mengiringi perjuangan ini

**Istimewa buat keluarga mertuaku**

Pengorbanan dan doa restu tak pernah dilupai

**Buat penyeliaku, En. Roskang b. Jailani,**

yang tak pernah jemu membimbangkan,

jasa baikmu tetap ku kenang sepanjang zaman

 PustakaTBainun ptbupsi

**Buat pensyarah-pensyarahku**

Dr.Ahmad Shuhaimi, Tn. Hj. Iberahim, Pr.Madya Zulkifli, Pr.Tjep-jep Rohindi,  
En.Halim, Pr. Isahak Harun, Dr. Sofia, Pr.Hamid, Pr. Madya Zaihidee,  
Ilmu yang dicurahkan tetap ku simpan di dada

**Buat kakak-kakak, abang-abang, adik-adik & anak-anak saudaraku**

Dorongan kalian pencetus semangat, untuk terus menapak

**Buat sahabatku dan rakan seperjuangan**

Tiyah, K.Ros, Milah, Sayuti, En.Jeff, A.Zul, Yati, K.Ila, K.Chaq, K.Tini,  
K.Zan, Jah, Ina, Lin, K.Sham, Has, Su, Ry, Nan & Meor,  
Kalian pencetus minda, meransang idea,  
melakar cerita, merakam kenangan  
abadi sepanjang perjalanan

**Terima Kasih Semua  
Jasa Kalian Tetap Ku Kenang  
Sepanjang Hayat**

## ABSTRAK

### PERSEKITARAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN 4 DAN PENGARUHNYA TERHADAP SIKAP PELAJAR DI SEKOLAH

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk melihat sikap pelajar tingkatan 4 dan hubungan dengan persekitaran pembelajaran Pendidikan Seni Visual dan juga hubungan dengan yang faktor-faktor yang turut mempengaruhinya seperti pengaruh ibu bapa, sosio ekonomi, pengaruh guru, rakan sebaya dan juga alat bahan sewaktu pengajaran dan pembelajaran di SMK. Tunku Abd. Aziz, Alor Star, Kedah. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang melibatkan 40 sampel dalam tingkatan 4. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Penyelidik menggunakan analisis statistik deskriptif bagi menunjukkan gambaran demografi secara frekuensi dan peratusan. Manakala kaedah korelasi melalui statistik inferensi bagi menjawab persoalan kajian. Dapatkan kajian menunjukkan ada hubungan antara sikap pelajar dengan persekitaran pembelajaran. Selain itu terdapat hubungan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya seperti pengaruh guru, pengaruh sekolah, rakan sebaya dan juga alat bahan sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh sikap dengan jantina, antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan sikap dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran dengan tahap pendidikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan juga pengaruh alat. Juga tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan jantina pelajar. Implikasi dapatkan kajian ini mencadangkan agar pihak sekolah dan guru-guru Pendidikan Seni Visual sentiasa peka dengan keadaan pelajar agar prestasi dapat dipertingkatkan.

## ***ABSTRACT***

### ***THE LEARNING ENVIRONMENT OF PENDIDIKAN SENI VISUAL IN FORM 4 AND ITS INFLUENCE TOWARDS THE STUDENTS ATTITUDE***

*The main purpose of this study is to look into the attitude of the form 4 students and its connection with the learning environment of PSV and also the connection factors that influence such as parents' influence, economy social, teachers' influences, peer groups (friends) and the learning tools (apparatus) during teaching and learning process in SMK. Tunku Abd. Aziz, Alor Star, Kedah. The methodology applied in this study is in the form of observation method which involves 40 samples in the form 4. Researcher uses the statistic descriptive to show the frequency and percentage of demografi. And statistic inference is use through the correlation method to answer the questionnare of the study. The results show that there is a connection between the students attitude and the laerning environment. Besides there is connection with the factors that influence such as schools influence, friends and the learning tools during teaching and learning process. There is no significant connections between attitude influence and sex, influene factors and attitude and there is also no significant connections between learning environment and parent's education, peer group's influence and tools. There is no significant connections between factors' influence and sex. The implication from this study is recommends that the school and the teacher of PSV will always be alert with the students condition in order to improve the performance.*

## KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
-----------	----

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRAK	iv
---------	----

ABSTRACT	v
----------	---

### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Tujuan Kajian	6
1.4 Soalan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.5.1 Kementerian Pelajaran Malaysia	7
1.5.2 Pihak Sekolah	8
1.5.3 Guru Mata Pelajaran	8
1.5.4 Penyelidik Lain	8
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Definisi	9
1.8 Kesimpulan	12

### BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	13
2.1 Literatur Berkaitan	14
2.2 Kerangka Konsepsual	17
2.2.1 Konsep Sikap	17
2.2.2 Sikap Dalam Pendidikan Seni Visual	18
2.3 Persekutuan Pembelajaran	20
2.4 Rumusan Kerangka Konsepsual	22

### BAB 3 METODOLOGI

3.0 Pengenalan	24
3.1 Reka Bentuk Kajian	24
3.2 Populasi Kajian	25
3.3 Persampelan	25
3.4 Lokasi Kajian	26
3.5 Alat Kajian	27
3.5.1 Soal Selidik	27

	3.5.2 Kajian Rintis	30
3.6	Prosedur Penyelidikan	30
3.7	Pengumpulan dan Analisis Data	31
3.8	Kesimpulan	31
BAB IV DAPATAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	33
4.1	Dapatan Kajian	34
4.1.1	Analisis Sampel Kajian	34
4.1.2	Analisis Gred Peperiksaan Akhir PSV	35
4.1.3	Analisis Tahap Pendidikan Ibu Bapa	36
4.1.4	Analisis Pendapatan Sebulan	37
4.1.5	Analisis Sikap Pelajar Terhadap PSV	38
4.1.6	Analisis Persekitaran Pembelajaran PSV	39
4.1.7	Analisis Pengaruh Motivasi	43
4.1.8	Analisis Pengaruh Guru	44
4.1.9	Analisis Pengaruh Sekolah	46
4.1.10	Analisis Pengaruh Ibu Bapa	47
4.1.11	Analisis Pengaruh Rakan Sebaya	48
4.1.12	Analisis Pengaruh Media Massa	49
4.1.13	Analisis Pengaruh Alat/Media	50
4.2	Analisis Inferensi	51
4.3	Kesimpulan	57
BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.0	Pengenalan	58
5.1	Ringkasan Kajian	58
5.2	Perbincangan dan Rumusan	60
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	63
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	64
SENARAI RUJUKAN		65
LAMPIRAN		
Lampiran I	Dapatan Frekuensi SPSS	
Lampiran II	Dapatan Korelasi SPSS	
Lampiran III	Soalan Soal Selidik	
Lampiran IV	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Penyelidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia	
Lampiran V	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Penyelidikan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah	

## SENARAI JADUAL

3.1	Taburan Set Soal Selidik	29		
3.2	Kaedah Pemberian Skor Soal Selidik	29		
4.1	Jantina Responden	34		
4.2	Gred Peperiksaan Akhir	35		
4.3	Tahap Pendidikan Ibu Bapa	36		
4.4	Pendapatan Sebulan	37		
4.5	Sikap Terhadap PSV	38		
4.6	Persekutaran Pembelajaran PSV	39		
4.7	Pengaruh Motivasi	43		
4.8	05-4506832  pustaka.upsi.edu.my Pengaruh Guru	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	44  ptbupsi
4.9	Pengaruh Sekolah	46		
4.10	Pengaruh Ibu Bapa	47		
4.11	Pengaruh Rakan Sebaya	48		
4.12	Pengaruh Media Massa	49		
4.13	Pengaruh Alat/Media	50		
4.14	Korelasi - hubungan antara sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual dengan jantina	51		
4.15	Korelasi - hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual	52		
4.16	Korelasi – hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan tahap pendidikan ibu bapa	53		

4.17	Korelasi – hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual	54
4.18	Korelasi – hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan persekitaran pembelajaran	54
4.19	Korelasi – hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan jantina pelajar	56

## SENARAI RAJAH

1.1	Pencapaian Pelajar Pendidikan Seni Visual Sijil Pelajaran Malaysia	5
2.1	Peranan Pembolehubah Luaran (exogenous) dan Dalaman (endogenous) ke Atas Sikap Pelajar Terhadap PSV	16
2.2	Persekutuan Pembelajaran PSV	23
3.1	Reka Bentuk Kajian	25
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	34

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam konteks pendidikan di sekolah, sama seperti subjek-subjek lain, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah merupakan satu mata pelajaran yang diajar di sekolah-

sekolah menengah. Sehubungan itu, Pendidikan Seni Visual juga tidak terkecuali dalam mencapai matlamat dalam pendidikan sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara (1988) iaitu untuk mengembangkan potensi dan mutu peribadi secara menyeluruh dan bersepada melalui perkembangan daya intelek, keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis, dan kepekaan dalam membuat persepsi terhadap sesuatu fenomena.

Pendidikan Seni Visual adalah merupakan matlamat pendidikan yang bersistem, terancang dan prestasinya juga boleh dinilai bagi memenuhi keperluan individu. Keperluan individu ini dapat dicapai melalui aktiviti seni yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai proses, teknik dan media serta pembentukan nilai. Proses-proses ini akan melibatkan sikap pelajar-pelajar secara tidak langsung.

Sebenarnya kajian berkaitan dengan sikap dan persekitaran pembelajaran telahpun dijalankan sejak tiga dekad yang lalu. Dimulakan oleh Walberg (1968) dan



telah diperkembangkan oleh Fraser pada awal 1980-an. Namun masih lagi diberi perhatian yang meluas sehingga ke hari ini kerana kepentingannya yang dipercayai boleh membantu meningkatkan hasil-hasil pembelajaran pelajar. Dalam setiap kajian yang dijalankan, persepsi pelajar ke atas persekitaran pembelajaran dan hubungannya dengan hasil-hasil pembelajaran pelajaran terutamanya sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual, merupakan salah satu aspek yang diberi tumpuan oleh kebanyakan pengkaji yang terlibat dalam bidang Pendidikan Seni Visual khasnya.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah salah satu mata pelajaran elektif bagi pelajar-pelajar menengah atas yang akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Biasanya pelajar-pelajar yang mengambil pelajaran ini diletakkan di bawah aliran atau jurusan sastera. Walaupun pada masa sekarang Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan Sijil Pelajaran Malaysia sebagai peperiksaan terbuka di mana pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan ini boleh memilih apa sahaja subjek elektif yang mereka inginkan selain daripada subjek teras yang telah ditetapkan seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Metematik, Sejarah, Sains dan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral. Namun begitu pihak sekolah telah menetapkan hanya pelajar-pelajar aliran sastera sahaja dibenarkan mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif. Kebanyakan pelajar yang mengambil jurusan sastera ini kelulusan akademik mereka dalam Peperiksaan Menengah Rendah biasanya sederhana atau sekurang-kurangnya mereka hanya lulus dalam minima sahaja untuk ke tingkatan empat. Oleh kerana pelajar-pelajar ini diagihkan mengikut kelulusan mereka dalam Penilaian Menengah Rendah untuk ke tingkatan empat dan mengikut ‘pakej’ yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah maka tidak hairanlah kebanyakan daripada mereka hanya lulus dalam gred yang rendah sahaja dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Hanya terdapat seorang dua sahaja pelajar daripada aliran yang





bukan sastera yang berminat untuk mengambil Pendidikan Seni Visual dibenarkan oleh pihak sekolah.

Oleh kerana sikap mempunyai hubungan dengan persekitaran pembelajaran terhadap Pendidikan Seni Visual, maka dalam kajian ini hubungan di antara sikap pelajar dengan persekitaran pembelajaran terhadap Pendidikan Seni Visual di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abd. Aziz, Simpang Empat, Alor Star menjadi fokus utama pengkaji membuat kajian. Selain daripada itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk melihat hubungan sikap pelajar dengan faktor-faktor yang turut mempengaruhi seperti pengaruh guru, sosio-ekonomi, media massa, persekitaran sekolah, pengaruh ibu bapa, persekitaran sosial dan juga rakan sebaya di sekolah tersebut juga merupakan beberapa aspek yang turut diberi tumpuan dalam kajian ini.



## 1.2 Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa faktor yang mendorong pengkaji memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abd. Aziz sebagai lokasi kajian, manakala sikap dan persekitaran pembelajaran terhadap Pendidikan Seni Visual dipilih sebagai pemboleh ubah kajian. Secara umumnya, prestasi pelajar, pengalaman, pangaruh-pengaruh yang berkaitan dan keperluan semasa adalah merupakan antara faktor yang mempengaruhi kajian ini.

Kualiti pencapaian pelajar-pelajar Pendidikan Seni Visual di dalam Sijil Pelajaran Malaysia masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan terutamanya jika dilihat dari aspek kualiti. Ini boleh dilihat melalui analisis pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (Rajah 1.1) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2001, daripada 93 calon yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, tidak ada seorang pun yang berjaya mendapat keputusan cemerlang (A1) dalam mata pelajaran tersebut. Hanya 3 orang calon yang berjaya





mendapat A2, B3 hanya 5 calon dan B4, 15 orang, sementara C5, 35 orang diikuti oleh C6 berjumlah 21 calon. 11 calon mendapat D7 dan 2 orang calon mendapat E8. Gagal terdiri daripada 4 orang calon.


Begitu juga dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2002 dan 2003, walaupun jumlah calon berkurangan kepada 88 pelajar sahaja pada 2002 dan bertambah kepada 128 pelajar pada tahun 2003, namun tiada seorang calon pun yang berjaya mendapat A1. Hanya terdapat 1 orang calon sahaja yang berjaya mendapat A2 pada tahun 2002 dan seorang calon juga pada tahun 2003 yang berjaya mendapat A2. Ini bermakna hanya 3% sahaja yang mendapat A2 pada tahun 2001 dan 1% sahaja yang mendapat A2 pada tahun berikutnya.

Secara perbandingan kebanyakkan pelajar hanya berupaya mendapat pangkat lulus (C5 – E8) sahaja dalam kedua-dua tahun berkenaan iaitu sebanyak 62.5% pada tahun 2002 dan 71% pada tahun 2003 (Unit Peperiksaan Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abd. Aziz, 2004). Prestasi pelajar Pendidikan Seni Visual yang agak rendah kualitinya berbanding dengan kuantiti menyebabkan pengkaji memilih sekolah ini sebagai kajiannya. Ini boleh dilihat dalam Rajah 1.1 di sebelah.





### PERBANDINGAN PENCAPAIAN PSV SPM



RAJAH 1.1 : Pencapaian Pelajar PSV SPM

(Sumber: Unit Peperiksaan SMK TAA, 2004)

Menurut pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abd. Aziz Puan Hajjah Norpah bt. Haji Darus menyatakan bahawa kebanyakan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia menganggap memadai untuk lulus sahaja. Mereka ini mungkin tidak tahu peluang kerjaya yang boleh mereka pilih dengan mencapai kelulusan yang baik dalam subjek ini.

Jelaslah daripada huraian di atas pengkaji secara umumnya mahu melihat prestasi pelajar, pengalaman dan keperluan semasa berdasarkan kepada kualiti pencapaian pelajar-pelajar Pendidikan Seni Visual di dalam Sijil Pelajaran Malaysia yang masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan terutamanya jika dilihat daripada aspek kualiti.





### 1.3 Tujuan Kajian

Secara umumnya, tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat kemungkinan wujudnya hubungan antara sikap pelajar dengan persekitaran pembelajaran dan pengaruh-pengaruh yang berkaitan dengan persekitaran pembelajaran terhadap Pendidikan Seni Visual. Walau bagaimanapun, kajian ini juga dirancang secara khusus untuk menepati beberapa tujuan kajian seperti yang dinyatakan di bawah:

- i) Melihat hubungan antara sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual dengan jantina.
- ii) Melihat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual.
- iii) Melihat hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan latar belakang pelajar.
- iv) Melihat hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual.
- v) Melihat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan persekitaran pembelajaran.
- vi) Melihat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan jantina pelajar.

### 1.4 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- 1.4.1 Adakah terdapat hubungan antara sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual dengan jantina?
- 1.4.2 Adakah terdapat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual?





- 1.4.3 Adakah terdapat hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan latar belakang pelajar?
- 1.4.4 Adakah terdapat hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan sikap pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual?
- 1.4.5 Adakah terdapat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan persekitaran pembelajaran?
- 1.4.6 Adakah terdapat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi dengan jantina pelajar?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Melihat kepada sikap pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi persekitaran pelajar, maka secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai sikap atau persepsi pelajar ke atas persekitaran pembelajaran sebenar Pendidikan Seni Visual. Selain itu kepentingan penyelidikan ini juga diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada beberapa pihak seperti yang berikut:

### 1.5.1 Kementerian Pelajaran Malaysia

Hasil kajian ini dapat memberi maklum balas kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tentang kepentingan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual pada peringkat sekolah yang akan menentukan peluang-peluang kepada pelajar untuk ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Pihak kementerian juga boleh membuat penilaian terhadap sikap pelajar ke atas subjek ini.





### 1.5.2 Pihak Sekolah

Dapatan kajian ini juga memberi manfaat kepada pihak sekolah kerana dapat memberikan gambaran umum tentang sikap pelajar berkaitan Pendidikan Seni Visual. Ini boleh dijadikan panduan untuk mengatasi kelemahan dan pihak sekolah boleh merancang strategi yang lebih berkesan untuk pencapaian pelajar kepada lebih berkualiti dan juga mengekalkan kuantiti kepada 100%. Diharap pihak sekolah akan lebih peka tentang pelajar-pelajar yang akan mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ini sebagai mata pelajaran elektif mereka dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

### 1.5.3 Guru Mata Pelajaran

Guru Pendidikan Seni Visual dapat mengetahui sama ada mereka telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan atau tidak. Mereka juga akan tahu peranan yang harus dimainkan oleh mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Secara tidak langsung akan dapat memperbaiki segala kelemahan yang ada pada masa sekarang untuk masa hadapan.

### 1.5.4 Penyelidik Lain

Penyelidik-penyelidik yang ingin mendalami kajian yang hampir serupa boleh merujuk hasil kajian ini sebagai panduan. Sebarang kekurangan yang terdapat dalam hasil kajian ini bolehlah diperbaiki.



## 1.6 Batasan Kajian

Kajian mengenai sikap dan persekitaran pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhinya di kalangan pelajar terhad kepada beberapa batasan kajian, iaitu dari segi tempat kajian, populasi dan sampel.

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah sahaja yang terletak di Daerah Kota Setar iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abd. Aziz. Terbatas kepada pelajar-pelajar aliran sastera tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif. Sampel kajian ini melibatkan 40 pelajar yang mengambil mata pelajaran PSV sebagai mata pelajaran elektif dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun hadapan (2005). Soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar merangkumi daripada aspek sikap pelajar terhadap PSV, persepsi pelajar ke atas persekitaran pembelajaran PSV, dan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar seperti sosio-ekonomi, pengaruh motivasi, pengaruh guru, pengaruh sekolah, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan juga pengaruh alat /media.

## 1.7 Definisi

### 1.7.1 Singkatan dan Istilah

- (i) PSV - Pendidikan Seni Visual
- (ii) SPM - Sijil Pelajaran Malaysia
- (iii) SMKTAA - Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abd. Aziz



### 1.7.2 Definisi Istilah

#### (i) Sikap

Sikap adalah merupakan perbuatan atau pandangan seseorang terhadap sesuatu perkara atau objek. Pandangan ini dibentuk oleh pendapat, fikiran atau pendirian masing-masing ke atas objek berkenaan (Kamus Dewan, 1992, ms: 1202).

#### (ii) Persepsi

Persepsi dirujuk sebagai gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu perkara. Persepsi juga merupakan tanggapan atau pandangan seseorang ke atas sesuatu perkara yang diperoleh secara terus melalui pancaindera individu berkenaan (Kamus Dewan, 1992, ms: 954).



#### (iii) Persekutaran

Persekutaran adalah keadaan atau suasana di sekeliling yang menjadi latar belakang kepada seseorang. Suasana atau keadaan persekitaran ini boleh mempengaruhi sahsiah dan tingkahlaku individu (Kamus Dewan, 1992, ms: 638).

#### (iv) Pembelajaran

Pembelajaran adalah merupakan sesuatu proses atau kegiatan belajar iaitu suatu usaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan atau kepandaian terhadap sesuatu perkara melalui bimbingan, panduan dan latihan yang diterima (Kamus Dewan, 1992, ms: 16).





### (v) Hubungan

Hubungan ialah kaitan yang memerihalkan pertalian di antara dua perkara (Kamus Dewan, 1992, ms: 430). Contohnya dalam kajian ini, kaitan antara sikap pelajar ke atas persekitaran pembelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

### (vi) Sikap Terhadap PSV

Berdasarkan kepada model Trigoli Sikap Tradisi (Shrigley *et al.*, 1988), sikap mengandungi komponen kognitif, efektif dan konatif. Fishbein dan Ajzen (1975) menggambarkan sikap sebagai “*...a learned predisposition to respond in a consistently favorable or unfavorable manner toward an attitude object...*”. Manakala Koballa dan Crawly (1985) pula merujuk sikap sebagai perasaan seseorang, sama ada perasaan positif atau negatif terhadap sesuatu mata pelajaran. Dalam kajian ini, sikap terhadap PSV ditakrifkan sebagai perasaan konsisten pelajar (sama ada positif atau negatif) terhadap mata pelajaran PSV yang terhasil daripada gabungan komponen kognitif, efektif dan konatif yang membentuk sikap berkenaan.

### (vii) Persekutaran Pembelajaran PSV

Persekutaran pembelajaran PSV merujuk kepada hubungan di antara pelajar PSV dengan elemen-elemen lain yang terdapat di dalam kelas PSV seperti guru PSV, kaedah pengajaran PSV dan ciri-ciri yang terdapat di dalam Bilik PSV. Hubungan ini digambarkan melalui interaksi yang berlaku di antara individu-individu yang terdapat di dalam kelas-kelas PSV (Brekelmans *et al.*, 1990).



## 1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya bab ini adalah merumuskan tujuan kajian yang mana untuk melihat sikap pelajar dan hubungannya dengan persekitaran pembelajaran PSV tingkatan 4. Juga bertujuan untuk melihat hubungan di antara persekitaran pembelajaran PSV tingkatan 4 dan pengaruhnya terhadap sikap pelajar. Pada keseluruhannya bab ini menggambarkan tujuan serta rasional kajian, aspek yang hendak dikaji dan menghuraikan kepentingan kajian.